



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR



# GARIS PANDUAN DAN MAKLUMAT PASAR MALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



## ISI KANDUNGAN

3 PENGENALAN

4 MISI, VISI, OBJEKTIF

5 - 6 DEFINISI



7-11 SAIZ DAN WARNA KANOPI YANG DIGUNAKAN,  
KADAR LESEN,  
SUMBER KUASA

12-13 SYARAT-SYARAT PELANTIKAN  
PASAR MALAM @ KUALA LUMPUR



14-17 TANGGUNGJAWAB PENGANJUR  
TANGGUNGJAWAB PENJAJA

18-19 SYARAT-SYARAT ASAS PENGANJURAN  
PASAR MALAM @ KUALA LUMPUR

20-25 SYARAT DAN PERATURAN PENGANJUR

26 SYARAT DAN PERATURAN PENJAJA

27 SENARAI LOKASI PASAR MALAM  
MENGIKUT PARLIMEN @ KUALA LUMPUR



28-30 SENARAI HARI PENGOPERASIAN  
PASAR MALAM @ KUALA LUMPUR



## ISI KANDUNGAN

31-33 PARLIMEN BATU

34 PARLIMEN KEPONG

35-36 PARLIMEN SEGAMBUT

37 PARLIMEN WANGSA MAJU

38 PARLIMEN BUKIT BINTANG

39 PARLIMEN TITIWANGSA

40 PARLIMEN SETIAWANGSA

41-42 PARLIMEN BANDAR TUN RAZAK


43-44 PARLIMEN CHERAS

45-46 PARLIMEN SEPUTEH

47-48 PARLIMEN LEMBAH PANTAI

49-52 MAKLUMAT KONTRAKTOR PEMBERSIHAN  
PASAR MALAM @ KUALA LUMPUR  
TAHUN 2021- 2022

53 MAKLUMAT LENGKAP PASAR MALAM @  
KUALA LUMPUR



# PENGENALAN

Buku Garis Panduan dan Maklumat Pasar Malam ini disediakan adalah untuk memberi garis panduan kepada pegawai-pegawai jabatan dan penganjur pasar malam mengenai pengurusan pasar malam di Kuala Lumpur berkaitan aspek merancang, mengelola, dan mengawal aktiviti / perniagaan yang diadakan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

## LATAR BELAKANG

Aktiviti pasar malam banyak dijalankan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Memandangkan ia merupakan salah satu aktiviti yang dapat membantu menjana ekonomi dan menjadi lokasi tarikan pelancong dari dalam dan luar negara, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah memberi kebenaran kepada penganjur untuk mengeluarkan lesen kepada penaja pasar malam yang terlibat.

Setiap aktiviti Pasar Malam @ Kuala Lumpur adalah dibawah kelolaan Jawatankuasa Persatuan/NGO yang dinamakan Penganjur dan berdaftar dibawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) atau Agensi Kerajaan serta mendapat kelulusan dan menerima watikah daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur.

## TUJUAN GARIS PANDUAN

i. Untuk memandu pegawai dan pengajur dalam aspek merancang, mengelola dan melaksanakan aktiviti Pasar Malam @ Kuala Lumpur mengikut spesifikasi yang telah di tetapkan.

ii. Untuk mewujudkan aktiviti Pasar Malam @ Kuala Lumpur yang sentiasa dalam keadaan terkawal dari aspek kebersihan, kawalan lalulintas, pengurusan, susun atur keseragaman dan keselamatan.

iii. Mewujudkan suasana Pasar Malam @ Kuala Lumpur yang kondusif, bersih, selamat, berdisiplin, berimej ceria dan menjadikan tarikan pelancong dalam dan luar negara.

iv. Mempertingkatkan aktiviti kawalan dan penguatkuasaan terhadap pelanggaran undang-undang, syarat dan peraturan.

## MISI, VISI DAN OBJEKTIF

### MISI

Mewujudkan suasana Pasar Malam @ Kuala Lumpur yang berprestasi tinggi, bersih, ceria, kemas, selamat dan memberi perkhidmatan yang berkualiti.

### VISI

Memajukan dan meningkatkan prestasi peniaga dan mengutamakan kepuasan pelanggan.

## OBJEKTIF

- i. Meningkatkan imej dan kualiti pasar malam di Pasar Malam @ WPKL.
- ii. Menjadikan pasar malam sebagai daya tarikan pelancong dari dalam dan luar negara.
- iii. Mewujudkan persekitaran perniagaan yang bersih, indah, teratur dan selamat.
- iv. Memberikan keselesaan dan membawa suasana kondusif kepada semua pihak.
- v. Memberi impak positif kepada masyarakat sekitar.
- vi. Mengawal dan mengekang peniaga tidak berlesen dan warga asing.
- vii. Membentuk peniaga yang lebih berdisiplin dan bertanggungjawab serta mematuhi undang-undang.

# DEFINISI

## 5.1. PASAR@BAZAR

Secara umumnya Pasar @ Bazar bermaksud suatu tempat / lokasi tertentu yang menjalankan aktiviti perniagaan antara penjual / pembeli sesuatu barangan. Wujudnya aspek penawaran dan permintaan. Ia bersifat tradisional secara terbuka dan sementara mengikut hari dan masa tertentu. Ia digelar juga sebagai Pasar Jalan.

## 5.3. PASAR MALAM

Aktiviti perniagaan yang dijalankan dari jam **4.00 PETANG HINGGA 12.00 TENGAH MALAM**. (termasuk aktiviti panggah memungah).

## 5.5. PENJAJA/PENIAGA

Sesorang yang menjalankan aktiviti perniagaan di tapak Pasar / Bazar adalah diwajibkan berdaftar sebagai ahli persatuan/penganjur dan terdiri dari warga tempatan sahaja serta mempunyai lesen perniagaan yang sah dari Datuk Bandar Kuala Lumpur.

## 5.2. WAKTU OPERASI

Waktu memulakan dan menamatkan aktiviti perniagaan yang ditetapkan adalah selaras dengan syarat dalam lesen dan peraturan penutupan jalan dimana ianya termasuk aktiviti panggah memungah.

## 5.4. PERSATUAN/PENGANJUR / OPERATOR

Organisasi pengelola/operator Pasar/Bazar yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM @ ROS) dan mendapat kelulusan yang diiktiraf dari Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk mewakili peniaga / penjaja dalam urusan perancangan, pengurusan, pelaksanaan dan kawalan aktiviti pasar malam.

## 5.6. AGENSI

Agensi Kerajaan yang terlibat dalam melaksanakan pemantauan, kawalan, perancangan dan tindakan penguatkuasaan terdiri daripada :

Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Jabatan Imigresen Malaysia

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM @ ROS)

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)

Kastam Diraja Malaysia

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)

Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)

## 5.7. PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

Jabatan-jabatan yang terlibat di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam melaksanakan pemantauan, kawalan, perancangan dan tindakan penguatkuasaan adalah :

Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan (JPPP)

Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (JKAS)

Jabatan Penguatkuasaan (JPK)

Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar (JPKKB)

Jabatan Kejuteraan Awam dan Saliran (JKAWS)

Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi (JLR)

Jabatan Pengangkutan Bandar (JPB)

Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan (JUP)

Jabatan Perancangan Korporat (JPRK)

## 6. SAIZ DAN WARNA KANOPI YANG DIGUNAKAN

Terdapat 3 saiz yang digunakan oleh penjaja pasar malam. Butirannya adalah seperti yang berikut:



Warna kanopi yang digunakan semasa operasi pasar malam adalah bewarna kuning.

## 7. KADAR LESEN

Saiz 6` x 3` dan 6` x 6`



Saiz 8` x 8`



## 8. SUMBER KUASA

Peruntukan undang-undang yang dibekalkan termasuk syarat-syarat, peraturan serta dasar dan arahan dari semasa ke semasa.

### 1. Agensi

Undang-Undang dan Peraturan yang dikuatkuasa dan digunakan.

### 2. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur :

- Akta Kerajaan Tempatan - 1976
- Akta Peparitan Bangunan - 1974
- UUK Pelesenan Penjaja Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2016)
- UUK Pengendalian Makanan (1979)
- Akta Makanan 1983



Akta Kerajaan  
Tempatan 1976

107(5)

Tidak mempamerkan lesen

UUK Pelesenan  
Penjaja (Wilayah  
Persekutuan  
Kuala Lumpur) 2016

3(1)

Menjalankan aktiviti penjaja  
tanpa lesen dari Datuk Bandar  
Kuala Lumpur

10(1)

Tiada pemegang lesen boleh  
memindah milik lesennya  
kepada mana-mana pihak  
yang lain

Tiada pemegang lesen :

- (a) mengambil bekerja mana -  
mana orang di bawah umur 18  
tahun
- (b) mengambil bekerja mana -  
mana warga asing
- (c) membenarkan apa-apa aktiviti  
yang tidak elok seperti kacau  
ganggu
- (d) menjalankan aktiviti yang lain  
selain dari aktiviti penajaan  
yang dinyatakan dalam lesen

14(1)

UUK Pelesenan  
Penjaja (Wilayah  
Persekutuan  
Kuala Lumpur) 2016

15(1)

Mana-mana orang yang terlibat  
dalam penyediaan makanan :

- (a) menjalankan pemeriksaan  
perubatan
- (b) mendapatkan suntikan typhoid
- (c) mengikut kursus penyediaan  
makanan

16(1)

Pemegang lesen hendaklah hadir setiap masa

16(2)

Jika pemegang lesen tidak dapat hadir selama tempoh 30 hari atau lebih, dia hendaklah:

- (a) melantik seorang penama
- (b) menutup sementara petak yang diperuntukan

18(1)

Pemegang lesen tidak boleh mengambil pembantu tanpa kelulusan dari Datuk Bandar

19(1)

Sesuatu lesen gerai hendaklah berkenaan tapak yang ditentukan yang dinyatakan dalam lesen

23(3)

Tiada pemegang lesen atau pembantunya boleh menggunakan pelaut, pembesar suara, mikrofon atau apa-apa alat lain untuk mempertingkatkan bunyi

24(1)

Seseorang pemegang lesen hendaklah mematuhi apa-apa arahan lisan atau bertulis yang diberi oleh Datuk Bandar berkenaan dengan penempatan gerai, barang atau lain-lain perkakas

Pemegang lesen dan pembantu yang terlibat dalam penyediaan makanan :

- (a) makanan yang ditawarkan adalah bersih dan selamat untuk dimakan dan diminum
- (b) hendaklah menggunakan sepit, penyeduk, sarung tangan plastik atau lain-lain perkakas
- (c) tidak boleh menggunakan jari untuk menyentuh mana-mana bahagian anggota yang lain
- (d) tidak boleh menggunakan nafas untuk membuka beg atau pembalut
- (e) tidak menyapu tangannya dengan baju
- (f) tidak boleh batuk atau bersin
- (g) tidak boleh merokok
- (h) menjaga diri dan pakaian dalam keadaan bersih dan memakai apron, penutup kepala
- (i) tidak mempunyai luka atau pecah kuli pada tangan atau jarinya
- (j) menggunakan tuala bersih untuk mengelap atau membersihkan

28(1)



Pemegang lesen dan pembantu hendaklah memastikan :

- (a) makanan disediakan di permukaan yang tinggi 0.5 meter daripada permukaan tanah atau lantai
- (b) tapak menjaja diselenggara dalam keadaan bersih
- (c) kawasan sekitar dalam keadaan bersih
- (d) makanan yang ditawarkan untuk jualan berada dalam keadaan bersih dan ditutup
- (e) kenderaan yang digunakan untuk menjaja atau mengangkut makanan dalam keadaan bersih
- (f) perkakas yang digunakan dalam keadaan bersih
- (g) menggunakan bekas atau alat pembungkusan yang dibenarkan (BIO)
- (h) tidak menggunakan kertas cetakan
- (i) segala perkakas disimpan di tempat sesuai dan bersih
- (j) tidak memakai apron/penutup kepala, berpakaian tidak bersih dan diri dalam keadaan kotor
- (k) tidak menyediakan tong/bekas sampah yang mencukupi
- (l) sampah dikumpul dan dibungkuskan dalam beg plastik dan dimasukkan ke dalam tong sampah

30(1)

- (m) kertas/bahan tidak bersih digunakan untuk membungkus barang-barang
- (n) bungkusan/bekas untuk membungkus buah dan sayur tidak dibuat dari bahan yang akan mencemar/ menukar warna / rasa buah dan sayur
- (o) racun/bahan berbahaya tidak boleh digunakan

31(1)

Tidak menjual apa-apa makanan yang tidak selamat untuk dimakan

32(1)

Tidak boleh menyerahkan hak, memajak, menyewa atau menyewa kecil petak yang diperuntukkan

33(1)

Menjual atau mempamerkan untuk jualan apa-apa barang selain dari yang ditetapkan dalam lesen

37(1)

Tidak boleh membuat atau menyebabkan atau membenarkan berlakunya kacau ganggu

# SYARAT-SYARAT PELANTIKAN PENGANJUR PASAR MALAM WPKL



1

Mengemukakan Sijil ROS beserta senarai nama Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan Ahli Jawatankuasa.

Mengemukakan senarai dan maklumat lengkap penjaja.

2



3

Mengemukakan permohonan lesen individu secara berkelompok.

Mengemukakan pelan 'zoning' mengikut jualan bergantung kepada kesesuaian lokasi.

4



5

Melaksanakan penggunaan keseragaman kanopi berwarna kuning berukuran (2m x 2m), apron dan alas meja.

Melantik dan mengadakan petugas kawalan lalulintas dan kawalan keselamatan (cth: RELA)

6



7

Melaksanakan mengecat petak 3 kali setahun mengikut ukuran (2m x 2m) dengan jumlah petak yang dipohon.

Pengendalian kebersihan di kawasan tapak dan kawasan sekitar hendaklah diserahkan kepada pihak DBKL di bawah pihak SWCorp dan Alam Flora Sdn. Bhd.

8



Pihak penganjur hanya boleh mengenakan caj kepada pemegang lesen berkaitan dengan penyediaan kawalan lalintas, keselamatan, membekal plastik sampah kepada penaja dan lain-lain perkhidmatan pengurusan.



9



10

Tidak membenarkan **peniaga atau peniaga warganegara asing** menjalankan perniagaan..

Mematuhi syarat-syarat dan peraturan lesen yang ditetapkan serta mematuhi SOP Pasar Malam @ Kuala Lumpur.

11



12

Penganjur dan pemegang lesen tidak dibenarkan menuntut sebarang hak atau apa-apa jua kos apabila arahan perpindahan atau penutupan dikeluarkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Menetapkan kadar caj perkhidmatan menguruskan permohonan lesen baru.

13



14

Menetapkan kadar caj perkhidmatan memperbaharui lesen setiap pemegang lesen.

Merekod kehadiran penaja (beberapa kali tidak hadir tanpa memberitahu, beri surat tunjuk sebab sehingga tindakan pembatalan lesen oleh DBKL.

15



16

Pihak DBKL boleh menyita atau mengarahkan penutupan gerai serta merta dan lesen boleh dibatalkan serta merta jika terdapat penaja atau pembantu warga asing semasa pemantauan dilakukan.

Nota : Datuk Bandar Kuala Lumpur boleh mengarahkan penganjur pasar malam menutup operasi pasar malam sekiranya didapati penganjur gagal mematuhi dan menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberikan

01

Penganjur **WAJIB** menjadi ahli Pertubuhan Pengurusan Pasar Malam Kuala Lumpur (PMKL).

02

Mengemukakan salinan sijil pendaftaran dan senarai lengkap ahli jawatankuasa penganjur.

03


Caj perkhidmatan kerja-kerja pembersihan akan dimasukkan ke dalam Fi Lesen Penjaja.

04

Perlantikan penganjuran boleh dibuat maksimum 2 tahun atau tempoh yang ditetapkan oleh Datuk Bandar.

05

Penganjur diminta untuk memberi satu salinan perakuan permohonan pembaharuan lesen yang telah diterima dan diperakui oleh Seksyen Penjaja, Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan kepada pihak peniaga yang telah membuat permohonan tersebut dan salinan contoh bukti dan akuan penerimaan.





## TANGGUNGJAWAB PENAJA

Semua kelulusan untuk beroperasi merupakan kebenaran membuka dan beroperasi yang tertakluk kepada keputusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

1 Pemegang lesen hendaklah sentiasa mempamerkan lesen yang telah dikeluarkan oleh DBKL di bahagian atau sudut yang mudah dilihat di dalam kawasan petak gerai atau kanopi.

2 Pemegang lesen hendaklah sentiasa hadir menjalankan dan mengawasi perniagaan. **DILARANG** sama sekali memindah milik atau menyewa atau menjual petak gerai yang telah dikeluarkan lesen kecuali dengan kebenaran bertulis daripada DBKL.

3 Pemegang lesen adalah **DILARANG** sama sekali menggunakan khidmat **WARGANEGARA ASING** sepanjang menjalankan operasi perniagaan pasar malam.

4 Pemegang lesen hendaklah sentiasa menyelenggara dan memastikan petak gerai atau kanopi dan perkakas berkaitan perniagaan berada di dalam keadaan bersih.

5 Pemegang lesen hendaklah **MEMATUHI** saiz petak, warna gerai atau kanopi, tempoh operasi perniagaan pasar malam.

6 Pemegang lesen hendaklah sentiasa menjaga kebersihan petak gerai atau kanopi semasa dan selepas waktu operasi perniagaan pasar malam.

7 Pemegang lesen hendaklah sentiasa **MEMPAMERKAN TANDA HARGA** pada setiap makanan, barang atau apa-apa benda yang dijual.

8 Penggunaan straw plastik atau penyedut plastik adalah dilarang.

9 Pemegang lesen hendaklah menggunakan produk biodegradasi yang dibenarkan iaitu jenis klasifikasi biodegradasi atau kompos yang telah mendapat pensijilan **SIRIM ECO-001:2018** atau **SIRIM ECO009:2016** daripada **SIRIM** Berhad.

10 Pemegang lesen adalah **DILARANG** menjual barangan tiruan, produk tembakau dan mengadungi nikotin yang tidak mendapat kelulusan oleh pihak kerajaan.

11 Pemegang lesen hendaklah **MEMPERBAHARUI LESEN** sekurang-kurangnya enam puluh (60) **HARI SEBELUM TARIKH AKHIR TEMPOH LESEN**.

12 Sekiranya kawasan atau tapak perniagaan terlibat dengan pembangunan atau penyusunan semula, DBKL berhak untuk membatalkan lesen penjaja yang dikeluarkan dan peniaga perlu berpindah atau mencari tapak lokasi yang baru.

13 Pemegang lesen hendaklah menjalankan operasi perniagaan secara berbungkus atau *take away* sahaja.

14 Peniaga makanan/minuman hendaklah memakai pakaian bersih dengan penutup kepala, sarung tangan dan apron.



15 Mendapatkan Suntikan Pelalian *Typhoid* dan menyimpan kad suntikan berkenaan. Peniaga yang telah mempunyai Kad Suntik Pelalian *Typhoid* hendaklah memastikan ianya masih sah tempoh dan disimpan bersama pemegang lesen sepanjang masa.

17 DBKL berhak mengeluarkan kompaun serta-merta jika pemegang lesen didapati melakukan kesalahan dibawah Undang-Undang Kecil (UUK).

18 Datuk Bandar Kuala Lumpur berhak untuk mengambil tindakan berdasarkan undang-undang dan akta yang digunapakai dengan Jabatan / Agensi luar yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan.

19 Datuk Bandar Kuala Lumpur berhak membatalkan, menggantung hak penganjuran, lesen, menyita dan menutup aktiviti perniagaan jika terdapat sebarang aduan, pelanggaran peruntukan undang-undang, peraturan dan syarat-syarat lesen tanpa sebarang notis.



# SYARAT-SYARAT ASAS PENGANJURAN PASAR MALAM @ KUALA LUMPUR

01

Lesen perniagaan akan terbatal sekiranya pemegang lesen tidak memperbaharui lesen dalam tempoh enam (6) bulan.

02

Lokasi yang sesuai sama ada di atas tanah kosong, jalan, lorong atau tempat letak kenderaan dan tertakluk dengan keputusan Datuk Bandar Kuala Lumpur, mendapat persetujuan secara bertulis dan tiada sebarang bantahan dari penduduk / pihak berkepentingan serta komuniti setempat, serta tidak menimbul dan mendatangkan kacau ganggu ketenteraman awam dan tiada sebarang gangguan dan menghalang lalu lintas.

03

Aktiviti perniagaan yang bersifat terbuka dan sementara dengan penggunaan kanopi dan ukuran tapak / petak yang ditentukan dan diluluskan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.

04

Berpontensi menggalakkan aktiviti menjana ekonomi kepada penduduk setempat / penjaja serta mempunyai keupayaan mempamerkan / menjual / menyusun atur produk jualan yang berkualiti.

05

Memberi imej yang ceria, bersih, selesa dan selamat serta mampu menarik daya tarikan pelancong dengan menyusun atur produk jualan yang berkualiti.

06

Adanya penglibatan secara kolaborasi antara penganjur dan DBKL semasa proses merancang tapak, memilih peniaga, pengawal dan penguatkuasaan undang - undang.

07

Tiada sebarang aktiviti perniagaan yang menyalahi undang-undang dan tiada penglibatan peniaga/pembantu dari kalangan warga asing.

08

Mempunyai had sempadan tapak pasar malam dan papan tanda sempadan.

09

Mempunyai pelan susunatur yang lengkap mengandungi laluan keluar masuk, jumlah petak, no petak, penempatan tong sampah dan zoning jualan (makanan basah, makanan kering dan pakaian) mengikut kesesuaian lokasi. Mempunyai had sempadan tapak pasar malam dan papan tanda sempadan.

10

Penggunaan logistik seragam yang spesifik ditentukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

11

Pihak peniaga adalah dikenakan bayaran kadar lesen mengikut ukuran tapak yang ditetapkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dan tertakluk dengan Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2016).

# SYARAT DAN PERATURAN PENGANJUR

i.

Penganjur Pasar Malam hendaklah terdiri daripada Persatuan / Badan Pertubuhan/Kesatuan/NGO yang mempunyai organisasi dan berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia atau berdaftar di bawah mana-mana agensi kerajaan. Penganjuran secara individu atau syarikat adalah tidak dibenarkan sama sekali.

ii.

Setiap penganjuran pasar malam di Kuala Lumpur hendaklah mendapat kebenaran dan lantikan secara bertulis daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur setelah mengambilkira bilangan petak dan kemampuan penganjuran adalah sesuai dijadikan tapak pasar malam di bawah selian.

iii.

Penganjur yang dilantik hendaklah menguruskan sendiri operasi pasar malam dan tidak dibenarkan sama sekali melantik atau membenarkan atau menjual atau menyewakan atau memajakkan kepada mana-mana individu/Persatuan/Pertubuhan/Organisasi lain sebagai pihak ketiga untuk menguruskan tapak pasar malam yang diluluskan.

iv.

Semua Pasar Malam yang diluluskan wajib menggunakan kanopi, meja lipat, apron dan alas meja yang seragam yang telah ditetapkan dan diperolehi secara pembelian daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Saiz ukuran petak yang dibenarkan adalah 2 meter x 2 meter atau 2.5 meter x 2.5 meter.

v.

Penganjur dibenarkan membuat kutipan bayaran perkhidmatan bagi tujuan berikut :

- Pengurusan keselamatan dan kawalan lalulintas.
- Pembekalan plastik/bekas sampah pada setiap kali aktiviti perniagaan kepada peniaga/penjaja.
- Pembekalan elektrik kepada penjaja.
- Perbelanjaan perkhidmatan pengurusan dan pentadbiran.
- Menyedia dan melaksanakan mengecat petak dalam tempoh 3 kali setahun.

**Nota : \* Jenis Perkhidmatan dan Kadar Caj Perkhidmatan hendaklah dipersetujui secara bertulis oleh Pihak Datuk Bandar Kuala Lumpur terlebih dahulu**

vi.

Penganjur dikehendaki membayar dan menjelaskan wang cagaran kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur mengikut kadar yang ditetapkan bagi tujuan kawalan terhadap pihak penganjur. Datuk Bandar Kuala Lumpur berhak merampas wang cagaran tersebut sekiranya pihak Datuk Bandar Kuala Lumpur mendapati berlakunya apa-apa pelanggaran syarat dan peraturan oleh pihak penganjur. (tidak terpakai kepada penganjur sedia ada. Kadar cagaran akan ditentukan oleh Datuk Bandar).

vii.

Penganjur dikehendaki menandatangani Surat Akujanji serta melafazkan ikrar terhadap pematuhan syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan dalam Prosedur Operasi Standard (SOP) Pasar Malam Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur setiap dua(2) tahun sekali.

viii.

Penganjur akan dipantau dengan 'Sistem Merit' yang membolehkan tindakan penguatkuasaan diambil termasuk pembatalan penganjuran dan pembatalan lesen dilaksanakan apabila terdapat apa-apa jua pelanggaran syarat dan peraturan berlaku.

ix.

Datuk Bandar Kuala Lumpur adalah berhak menutup / mengantung serta merta pasar malam yang melanggar syarat dan peraturan tanpa sebarang notis.

x.

Datuk Bandar Kuala Lumpur berhak menutup tapak / lokasi pasar malam yang terlibat dengan pembangunan atau menerima aduan dan bantahan awam mengikut saluran yang betul tanpa sebarang pampasan dan tapak ganti.



xi.

Penganjur **DIWAJIBKAN** mengambil insuran perlindungan awam bagi tujuan perlindungan keselamatan ahli / peniaga dan juga pengunjung

xii.

Penganjur hendaklah memastikan setiap peniaga/penjaja berdaftar dengan penganjur di lokasi pasar malam yang diselidikan. Sebarang kutipan yuran keahlian adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.

xiii.

Penganjur hendaklah memastikan setiap peniaga/penjaja memiliki lesen yang sah dari Datuk Bandar Kuala Lumpur. Maksimum tiga (3) petak bersaiz 6` x 6` (payung) / 6` x 3` (kanopi) bagi setiap pemegang lesen ikan, sayur-sayuran, buah-buahan dan makanan kering. Maksimum dua (2) petak sahaja dibenarkan bagi setiap pemegang lesen makanan atau minuman dan kering/runcit. Semua keadaan tertakluk kepada kelulusan daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur dan kekosongan petak.

xiv.

Penganjur diwajibkan untuk mengemaskini rekod/maklumat lengkap penjaja 6 bulan sekali dan perlu dihantar ke Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan DBKL.

xv.

Penganjur **DIWAJIBKAN** untuk memberikan 2 nama individu yang bertanggungjawab sebagai pemungut wang di tapak pasar malam kepada DBKL dan menyediakan tag nama dan vest kepada individu yang berkenaan

xvi.

Penganjur **DIWAJIBKAN** mengeluarkan resit rasmi penganjur yang sah bagi setiap kutipan wang yang diterima daripada peniaga / penjaja.

xvii.

Penganjur hendaklah bertanggungjawab bagi setiap apa-apa pelanggaran undang-undang, syarat dan peraturan yang dilakukan oleh penjaja/peniaga dimana tindakan penguatkuasaan boleh dikenakan terhadap penganjur. Ia melibatkan kesalahan berkaitan keselamatan, kebersihan lalulintas dan aduan awam.

xviii.

Penganjur hendaklah sentiasa memberikan kerjasama dalam apa-apa jua urusan lawatan/siasatan tapak oleh pegawai dan kakitangan Datuk Bandar Kuala Lumpur atau mana-mana Agensi Kerajaan yang berkaitan.

xix.

Penganjur hendaklah memastikan dan tidak membenarkan tapak-tapak kosong di sewa / dipajak / dijual atau digunakan oleh peniaga tanpa lesen atau peniaga warga asing.

xx.

Penganjur hendaklah memastikan pemegang lesen hanya berniaga barang-barang yang mendapat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

xxi.

Penganjur dikehendaki menguruskan pembaharuan lesen secara berkelompok dan penganjur dibenarkan memberi ulasan dan sokongan kepada peniaga yang memperbaharui lesen perniagaan

xxii.

Penganjur adalah dibenarkan memberi ulasan dan pengesyoran pembatalan atau penamatan secara bertulis kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur ke atas mana-mana pemegang lesen yang tidak aktif atau gagal mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan.

xxiii.

Penganjur / penjaja adalah dilarang sama sekali mengadakan sebarang bentuk bantahan @ demonstrasi yang boleh menjatuhkan reputasi atau imej terhadap Datuk Bandar Kuala Lumpur.

## SYARAT DAN PERATURAN PENJAJA

i.

Setiap penjaja diwajibkan berdaftar sebagai peniaga pasar malam dengan penganjur dan tertakluk kepada syarat dan peraturan yang dikenakan oleh Persatuan/penganjur.

ii.

Setiap penjaja hendaklah mematuhi syarat-syarat dan peraturan lesen yang dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sepertimana yang termaktub dalam Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2016) dan mana-mana undang-undang yang berkaitan.

iii.

Semua penjaja hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh penganjur dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur setiap masa.

iv.

Sebarang pelanggaran syarat dan peraturan oleh mana-mana pelesen/penjaja akan dikenakan tindakan penguatkuasaan, pembatalan lesen, boleh mengakibatkan tindakan penggantungan lesen atau penutupan pasar malam dan rampasan wang cagaran terhadap penganjur. Ia melibatkan isu keselamatan, kebersihan lalulintas dan aduan awam.

v.

Datuk Bandar Kuala Lumpur berhak membatalkan mana-mana pemegang lesen yang gagal memperbaharui lesen tahunan selama enam (6) bulan yang dianggap tidak aktif menjalankan perniagaan.

vi.

Setiap pemegang lesen hendaklah memaklumkan kepada pihak penganjur dan DBKL secara bertulis jika tidak menjalankan perniagaan dan mengambil cuti yang panjang melebihi 3 minggu (21 hari) berserta dengan sebab yang munasabah.

vii.

Setiap pemegang lesen **WAJIB** menandatangani Akujanji pematuhan syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.

viii.

Penjaja adalah dilarang sama sekali mengadakan sebarang bentuk bantahan atau demonstrasi yang boleh menjatuhkan reputasi atau imej terhadap Datuk Bandar Kuala Lumpur.

# SENARAI LOKASI PASAR MALAM MENGIKUT PARLIMEN



# SENARAI PENGOPERASIAN PASAR MALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Batu	Taman Koperasi Polis Fasa 2 Sentul Pasar Dalam 4B Taman Sri Murni Jalan Kangsar off Jalan Ipoh
Segambut	Taman Sri Sinar
Wangsa Maju	Seksyen 1 Wangsa Maju
Setiawangsa	Jalan Air Panas
Cheras	Taman Len Sen Taman Miharja Fasa II
Seputeh	Taman Bukit Gembira
Lembah Pantai	Appt Vista Angkasa
Lembah Pantai	Jalan Pantai Permai



Batu	PPR Batu Muda Taman Dato Senu Taman Kok Lian
Kepong	Jalan 133 Kepong
Wangsa Maju	Gombak 1A Seri Kedah
Titiwangsa	Jalan Cemur
Bandar Tun Razak	Jalan Bangsawan BTR
Cheras	Taman Pertama
Seputeh	Taman Sri Petaling



Batu	Taman Beringin
Segambut	Kg Sungai Penchala Jalan 4/38A (Susur SUHATI)
Bukit Bintang	Desa Petaling
Titiwangsa	Jalan Wira Kg Pandan
Setiawangsa	Pasar Malam Seksyen 10
Bandar Tun Razak	Pekan Sungai Besi Kg Malaysia Tambahan
Cheras	Taman Connaught
Seputeh	Kuchai Entrepreneur Park
Lembah Pantai	Jalan Pantai Permai



Batu	PPR Batu Muda PKNS Jalan Kuching
Kepong	Jalan Metro Prima 3 Taman Pusat Kepong
Bukit Bintang	Jalan Berhala
Setiawangsa	Taman Sri Rampai
Bandar Tun Razak	Jalan Jujur, BTR
Cheras	Jalan Kas Kas T. Cheras Taman Taynton PPR Sri Alam Fasa 2 Pasar Malam Ikan Emas
Seputeh	Jalan Hujan Emas OUG Taman Desa
Lembah Pantai	Taman Sri Sentosa



Batu	Bandar Batu Sentul Fasa 8 & 9 Taman Wilayah Selayang Taman IKS
Segambut	Taman Kok Doh
Wangsa Maju	Taman Melati
Bandar Tun Razak	Desa Tun Razak
Cheras	Taman Segar
Seputeh	Taman Desa Taman Sri Endah
Lembah Pantai	Appt Vista Angkasa
Bukit Bintang	Jalan Ang Seng Brickfields



Batu	Taman Koperasi Polis Fasa 1
Kepong	Jalan Kelab Kepong
Segambut	Taman Sri Bintang Jalan Udang Siar
Bukit Bintang	Lorong Tunku Abdul Rahman Taman Sg Besi AU2 Taman Keramat Keramat Wangsa
Setiawangsa	Jalan Rejang
Bandar Tun Razak	Pekan Sungai Besi Taman Bukit Anggerik
Cheras	Taman Midah
Seputeh	Jalan Lazat
Lembah Pantai	Jalan Pantai Permai 1



Kepong	Jalan Mergastua Taman Titikaya
Segambut	Taman Tun Dr Ismail (TTDI) Taman Bukit Maluri Taman Sri Kuching Jalan 4/38A (Susur SUHATI)
Titivangsa	Jalan Perkasa Taman Maluri
Cheras	Flat Sri Selangor
Seputeh	Jalan Selesa
Lembah Pantai	Jalan Telawi Bangsar





# PARLIMEN BATU



**Nama Persatuan /Penganjur**

**Maklumat Petak**

**Maklumat Peniaga**

Persatuan Peniaga Pasar Malam Taman Koperasi Polis Fasa 1

Jumlah Lot
150

Lot Digunakan
69

Lot Kosong
81

Melayu
36

Cina
1

India
0

Lain-Lain
0

**Pengerusi : En Abdul Ghafar 019 271 8119**



**Nama Persatuan /Penganjur**

**Maklumat Petak**

**Maklumat Peniaga**

Persatuan Peniaga Pasar Malam Taman Koperasi Polis Fasa 2

Jumlah Lot
270

Lot Digunakan
134

Lot Kosong
136

Melayu
76

Cina
0

India
1

Lain-Lain
0

**Pengerusi : En Shaari B. Mustafa 019 279 1058**

**Setiausaha : En Dzulhijah 017 678 2917**



**Nama Persatuan /Penganjur**

**Maklumat Petak**

**Maklumat Peniaga**

Persatuan Penduduk Bandar Baru Sentul Fasa 8&9

Jumlah Lot
364

Lot Digunakan
158

Lot Kosong
206

Melayu
113

Cina
12

India
6

Lain-Lain
0

**Pengerusi : Dato Hj Abd Razak 012 260 6930**

**Setiausaha : En Ishak 013 305 7374**



**Nama Persatuan /Penganjur**

**Maklumat Petak**

**Maklumat Peniaga**

Persatuan Kemasyarakatan Taman Wilayah Selayang

Jumlah Lot
300

Lot Digunakan
225

Lot Kosong
75

Melayu
124

Cina
9

India
4

Lain-Lain
0

**Pengerusi :**

**En Mahfuz Bin Mohammad 017 279 6797**

**Tim Pengerusi :**

**En Mohd Khairi 012 222 6964**



**Nama Persatuan /Penganjur**

**Maklumat Petak**

**Maklumat Peniaga**

Persatuan Penduduk PPR Batu Muda (2008)

Jumlah Lot
278

Lot Digunakan
111

Lot Kosong
167

Melayu
46

Cina
10

India
6

Lain-Lain
0

**Ketua Biro : En Redzuan 010 705 5414**

**Setiausaha : Pn Noraizah 017 633 7905**



**Nama Persatuan /Penganjur**

**Maklumat Petak**

**Maklumat Peniaga**

Persatuan Peniaga-Penaja Kecil Pasar Malam Serta Musim Perayaan KL & Selangor

Jumlah Lot
278

Lot Digunakan
116

Lot Kosong
162

Melayu
50

Cina
2

India
13

Lain-Lain
0

**Pengerusi :**

**En P Balasantharan A/L Palanisamy 010 705 5414**

**Setiausaha :**

**Cik Mimi Janieza Jamaluddin 019 367 6626**

# PARLIMEN BATU

TAMAN DATO SENU  
Selasa

Nama Persatuan /Penganjur

Persatuan Kemajuan Masyarakat & Penduduk Taman Dato Senu

Maklumat Petak

Jumlah Lot	Lot Digunakan	Lot Kosong
505	294	211

Maklumat Peniaga

Melayu	Cina	India	Lain-Lain
136	19	2	0

Pengerusi : En Hassan 012 383 6474

TAMAN IKS  
Jumaat

Nama Persatuan /Penganjur

Persatuan Kebajikan & Sosial Taman IKS (Biro Penganjuran Pasar Malam)

Maklumat Petak

Jumlah Lot	Lot Digunakan	Lot Kosong
300	93	207

Maklumat Peniaga

Melayu	Cina	India	Lain-Lain
